

VARIA

ANTARA fosil
haiwan yang
dipamerkan
di Muzium Trinil.



Kolum Khabar Indonesia
ini dibawakan pada setiap
hari Jumaat oleh:



Pelajari kehidupan manusia purba

MUZIUM Trinil
di Kabupaten
Ngawi, Jawa
Timur, Indonesia
menyimpan pelbagai
sejarah manusia
purbakala.

Kosmo
11/11/16
mls 24-25



Muzium Trinil pameran 1,200 fosil pelbagai jenis dalam bentuk replika untuk tatapan pengunjung.


MUZIUM Trinil yang terletak di Kabupaten Ngawi, Jawa Timur, Indonesia mempunyai tarikan pelancongan yang tersendiri. Muzium itu mempamerkan informasi yang jelas dan lengkap mengenai asal-usul serta kehidupan manusia purba yang kononnya dikatakan nenek moyang kepada bangsa Indonesia.

Muzium itu juga berdekatan dengan Dukuh Pilang yang terletak di Desa Kawu, Kecamatan Kedunggalur, Kabupaten Ngawi yang merupakan lokasi penemuan sebuah tengkorak makhluk mirip manusia (*Pithecanthropus erectus*) yang ditemui pada 1891.

Lokasi muzium yang berhampiran dengan Sungai Bengawan Solo itu turut mengingatkan kepada sejarah manusia purba yang pernah tinggal dan membangunkan budaya mereka di situ pada suatu ketika dahulu.

Muzium Trinil sememangnya menjadi salah satu kawasan pelancongan sejarah yang penting buat pelancong, pelajar mahupun pengkaji sejarah.

Di sana, mereka akan



PENGUNJUNG melihat replika manusia purba *Pithecanthropus erectus*.

mengetahui tentang kehidupan manusia purba dan ekosistemnya selain flora serta fauna yang hidup pada zaman itu.

Kawasan Trinil pula merupakan salah satu lokasi penemuan fosil-fosil yang dikatakan hidup antara 1.5 juta tahun lalu hingga 10,000 tahun sebelum Masihi.

Ketika berkunjung ke muzium itu, para pelancong akan disambut oleh pintu gerbang muzium yang berlatar belakang patung gajah purba.

Patung yang lebih mirip dengan marmot itu cukup besar jika dibandingkan

dengan ukuran gajah sekarang. Ia mempunyai gading yang sangat panjang tetapi tidak berbulu.

Penemuan fosil

Selain patung gajah, di halaman muzium juga terdapat monumen penemuan *Pithecanthropus erectus* yang ditemui oleh Eugene Dubois iaitu seorang doktor warga Belanda.

Di monumen itu tertulis mengenai fosil yang ditemui oleh Dubois semasa melakukan ekskavasi yang dibuat dari tahun 1981 hingga 1895.

Para pengunjung juga

akan menimba pelbagai informasi lain dengan melihat koleksi muzium yang berjumlah kira-kira 1,200 fosil yang terdiri daripada 130 jenis.

Muzium Trinil turut mempamerkan beberapa fosil manusia purba antaranya replika *Pithecanthropus erectus* yang ditemui di Karang Tengah (Kabupaten Ngawi) dan *Trinil* (Kabupaten Ngawi) serta fosil-fosil lain yang berasal dari Afrika Selatan dan Jerman iaitu *Australopithecus africanus* dan *Homo neanderthalensis*.

Walaupun fosil-fosil itu hanya berupa replika, ia dibuat hampir menyerupai bentuk asalnya.

Selain fosil manusia, muzium ini juga mempamerkan fosil tulang rahang bawah harimau (*Felis tigris*), gigi geraham atas gajah (*Stegodon trigonocephalus*), tanduk kerbau (*Bubalus palaeokerabau*), tanduk banteng (*Bibos palaeosondaicus*) serta gading gajah purba (*Stegodon trigonocephalus*).

Fosil haiwan ini umumnya lebih besar dan panjang berbanding ukuran sebenar haiwan itu sekarang.





INFO

Muzium Trinil

- Terletak di Dukuh Pilang, Desa Kawu, Kabupaten Ngawi, Jawa Timur, Indonesia
- Jarak dari Kota Ngawi ke muzium sejauh 13 kilometer
- Muzium Trinil didirikan di atas tanah seluas tiga ekar dan mempamerkan pelbagai koleksi fosil yang ditemui di Trinil selain fosil dari luar negara
- Harga tiket masuk Rp3,000 (96 sen) untuk dewasa manakala kanak-kanak serta pelajar sebanyak Rp1,000 (32 sen)
- Dibuka mulai pukul 8 pagi hingga 3 petang setiap hari kecuali Isnin

PETA menunjukkan Kabupaten Ngawi di Jawa Timur, Indonesia.

Contohnya, fosil gading gajah purba boleh mencapai sehingga 3.15 meter (m) jika dibandingkan dengan gading gajah hari ini iaitu tidak lebih 1.5m.

Muzium Trinil berada kira-kira 5 kilometer (km) arah utara dari jalan raya Solo-Surabaya. Dari Kota Ngawi, muzium ini terletak sekitar 13km arah barat daya.

Untuk menuju ke muzium ini dari Kota Ngawi, para pengunjung boleh menggunakan bas awam ke Solo dan turun di pintu gerbang besar yang menjadi penanda sebelum tiba di Muzium Trinil.

Dari pintu gerbang itu, para pelancong boleh menaiki kenderaan awam seperti ojek dengan menempuh jarak sekitar 3km.

PATUNG gajah purba seolah-olah menyambut kehadiran pengunjung.

Sejarah muzium

Jika pengunjung menggunakan kenderaan persendirian dari Kota Ngawi, sebaik-baiknya bertanya arah ke muzium itu kepada masyarakat tempatan kerana papan tanda ke sana hanya diletakkan di kawasan-kawasan tertentu.

Pembangunan Muzium Trinil yang terletak 15km dari pusat Kota Ngawi itu mempunyai sejarah yang panjang. Sejak penemuan fosil pada 1981, di situ bermulalah pembangunan sebuah bangunan oleh pemerintah tempatan Kabupaten Ngawi.

Ia bermula dengan pembelian tanah di sekitar tugu peringatan seluas 400 meter persegi.

Pada 1982, bermulalah pembangunan muzium itu

yang pada awalnya berfungsi sebagai balai raya sebelum peranannya ditukar menjadi muzium.

Seterusnya pada 1986, muzium itu mendapat bantuan berupa lima buah almari pameran yang dimuatkan pelbagai koleksi fosil serta dana konservasi daripada projek pembangunan muzium Provinsi Jawa Timur.

Muzium Trinil yang berdiri ketika ini merupakan sebuah bangunan baharu yang dirasmikan oleh Gabenor Provinsi Jawa Timur, Soelarso pada 1991 bersempena dengan satu abad *Pithecanthropus erectus* ditemui di Trinil.

Pengelola muzium turut menyediakan kemudahan pengangkutan dan tempat perkhemahan sebagai kawasan rekreasi.

Kawasannya sangat teduh kerana ia dilitupi oleh pokok-pokok jati yang rendang dan boleh menahan terik sinaran mentari.

Kolum Khabar Indonesia ini dikelola oleh:

- N. Aulia Badar (ANTARA)
- Megat Ramli Megat Raof (Kosmo!)

Untuk memberikan respons, sila e-mel ke kosmoantara@gmail.com



PELAWAT boleh mempelajari pelbagai sejarah di Muzium Trinil.